



MAHKAMAH TINGGI MALAYA,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50506 KUALA LUMPUR
HIGH COURT OF MALAYA

Telefon: K.L. 2939011
Teleks: HAKIM MA 33548
Fax: 03-2932582

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh:

(76)dlm. JK/MA 38 Vol. IV

13 Jun 1998

Semua Hakim Kanan/Hakim
Mahkamah Sesyen Semenanjung

Semua Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya

Semua Majistret
Mahkamah Majistret Semenanjung

Dato'/Tuan/Puan,

ARAHAN AMALAN NO. 2 TAHUN 1998
Memasukkan Salinan Penghakiman Dekri atau Perintah
yang Dirayu ke Dalam Rekod Rayuan bagi Rayuan Sivil
di Mahkamah Tinggi

Saya dengan hormatnya diarahkan merujuk kepada perkara di atas.

2. Di bawah peruntukkan Aturan 49 kaedah 3A (1) (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980, seseorang perayu adalah dikehendaki menyertakan satu salinan penghakiman, dekri atau perintah yang hendak dirayu, ke dalam rekod rayuan. Walau bagaimanapun masih terdapat rekod rayuan yang tidak disertakan dengan salinan penghakiman, dekri atau perintah seperti yang dikehendaki oleh kaedah yang disebutkan di atas. Keadaan ini telah menyebabkan kelewatan bagi penetapan kes-kes rayuan di Mahkamah Tinggi.

3. Bagi mengatasi masalah ini dan untuk menyegerakan prosiding rayuan di Mahkamah Tinggi, Y.A.A. Hakim Besar Malaya telah mengarahkan supaya bagi rekod-rekod rayuan yang masih belum disertakan dengan salinan penghakiman, dekri atau perintah, pihak perayu bolehlah sebaik sahaja menerima penghakiman dekri atau perintah termeterai dari Mahkamah Rendah memfailkannya sebagai rekod rayuan tambahan tanpa memfailkan sebarang permohonan.

4. Ini juga bermakna bagi rekod rayuan yang belum difailkan disebabkan ketiadaan penghakiman, dekri atau perintah termeterai maka rekod rayuan berkenaan bolehlah difailkan terlebih dahulu dan amalan di atas hendaklah terpakai apabila perayu telah menerima penghakiman, dekri atau perintah termeterai untuk difailkan sebagai rekod rayuan tambahan.

5. Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 1998.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah



(MAT ZARAAI BIN ALIAS)

Pendaftar

Mahkamah Tinggi Malaya

Kuala Lumpur

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Y.B. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
Tkt 5, 11-20 Bangunan Bank Rakyat
Jalan Tangsi
50512 Kuala Lumpur

Y.A.A. Presiden
Mahkamah Rayuan Malaysia
Kuala Lumpur

Y.A.A. Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi
93506 Kuching

Peguamcara Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
Tkt 5, 11-20 Bangunan Bank Rakyat
Jalan Tangsi
50512 Kuala Lumpur

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Ketua Bahagian Guaman
Jabatan Peguam Negara Malaysia
Tkt 5, 11-20 Bangunan Bank Rakyat
Jalan Tangsi
50512 Kuala Lumpur

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
93506 Kuching

Penasihat Undang-Undang Negari
Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri
Semananjung Malaysia

Pengarah
Biro Bantuan Guaman
Tingkat 1 Wisma Cyclecarri
Jalan Raja Laut
50504 Kuala Lumpur



Pustakawan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Majlis Peguam
No. 5 Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur

MZA/fz
ampmt1

